

Nota:

Semua maklumat dan kenyataan di dalam risalah ini disediakan berdasarkan kepada peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang mengandungi segala pindaan hingga 1 April 2005. Tulisan berwarna merah adalah fakta tambahan.

SENARAI RISALAH YANG BERKAITAN

001	Apakah Rancangan Pemajuan?
002	Kebenaran Merancang
003	Mengapa Perlu Laporan Cadangan Pemajuan?
004	Bagaimana Menggunakan Kebenaran Merancang?
005	Penguatkuasaan Perancangan Bandar
006	Caj Pemajuan
007	Lembaga Rayuan Perancangan Bandar
008	Notis Rekuisisi (Permintaan)
009	Notis Pembelian
010	Tahukah Anda Pokok Mempunyai Hak?
011	Warisan Senibina dan Kepentingan Sejarah
012	Garis Panduan dan Piawaian Perancangan
013	Senarai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) di Semenanjung Malaysia
014	Mengenali Perancangan Bandar dan Desa
015	Siapa Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) Anda?
016	Apakah Pembangunan Mampan?
017	Local Agenda 21
018	Apakah Peranan Awam dalam Penyediaan Rancangan Pemajuan?
019	Undang-Undang Perancangan Bandar

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:

Bahagian Perundangan, Perancangan dan Kawal Selia
**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
SEMENANJUNG MALAYSIA**
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Jalan Cenderasari
50646 Kuala Lumpur
Tel: 603-2698 9211 Fax: 603-2698 7371
www.townplan.gov.my

apakah **PERANAN AWAM**



dalam **Penyediaan Rancangan Pemajuan?**



Siri 018

2005

Edisi Kedua

Apakah Peranan Awam Dalam Penyediaan Rancangan Pemajuan?

- ❑ Anda selaku orang awam boleh menyumbangkan pendapat konstruktif sebagai input dalam perancangan bandar melalui penyertaan awam pada peringkat publisiti dalam proses penyediaan rancangan pemajuan.
- ❑ Penyertaan Awam merupakan satu proses yang penting dalam perancangan bagi memastikan rancangan pemajuan seperti rancangan struktur (RS) dan rancangan tempatan (RT) dapat memenuhi hasrat dan pandangan masyarakat umum.
- ❑ Dalam keseluruhan konteks proses penyediaan rancangan pemajuan, penglibatan awam akan dilaksanakan dalam **peringkat publisiti**. Keperluan **publisiti** telah diperuntukkan dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), di bawah subseksyen 9(1) yang mana:

.....**Pengarah Negeri** hendaklah memastikan bahawa publisiti diberikan di dalam **Negeri** semasa penyediaan draf RS bagi kawasannya dan mengambil langkah-langkah berikut:

- » Memberi maklum kepada orang awam bahawa mereka adalah berhak dan berpeluang untuk membuat representasi kepada **Pengarah Negeri** berkenaan dengan perkara-perkara yang dicadangkannya dalam rancangan pemajuan itu;
- » **Pengarah Negeri** hendaklah menimbangkan tiap-tiap representasi yang dibuat kepadanya dalam tempoh yang ditetapkan;
- » menyiarkan, dalam tiga keluaran daripada sekurang-kurangnya dua

akhbar tempatan, suatu notis menyatakan bahawa salinan rancangan itu boleh didapati untuk diperiksa di pejabat **Pengarah Negeri** dan di tempat lain yang ditentukannya dan masa yang bantahan terhadap rancangan itu boleh dikemukakan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN); dan


- » menyediakan salinan rancangan itu untuk diperiksa di tempat yang dinyatakan dalam notis itu; dan setiap salinan hendaklah disertakan dengan suatu pernyataan mengenai masa, **sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu**, yang bantahan terhadap rancangan itu boleh dibuat kepada JPN.



- ❑ Seksyen 12A menjelaskan:
 - »publisiti diberikan di dalam kawasannya mengenai draf RT yang akan disediakan, matlamatnya dan maksud bagi penyediaannya, dan perkara yang Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) bercadang untuk memasukkannya ke dalam rancangan itu; dan
 - » bahawa orang yang mungkin dijangka ingin mendapat peluang untuk membuat representasi kepada PBPT itu berkenaan dengan perkara itu menyedari bahawa mereka berhak mendapat, dan diberi peluang untuk berbuat demikian.



- Seksyen 13 Akta 172 memperuntukkan:
 - »menyediakan salinan draf RT itu untuk diperiksa di pejabatnya dan di tempat lain yang ditentukannya; dan setiap salinan yang disediakan untuk diperiksa hendaklah disertakan dengan suatu pernyataan mengenai masa, sebagaimana yang dinyatakan dalam notis yang disiarkan di bawah subseksyen (2), yang bantahan terhadap atau representasi berkenaan dengan draf RT itu boleh dibuat kepada PBPT;
 - »PBPT hendaklah menyiarkan, dalam tiga keluaran daripada sekurang-kurangnya dua akhbar tempatan, satu daripadanya dalam bahasa kebangsaan, suatu notis yang menyatakan tarikh salinan draf RT itu akan mula tersedia untuk diperiksa, tempat di mana ia akan tersedia untuk diperiksa dan masa, yang hendaklah tidak kurang daripada empat minggu dari tarikh salinan draf RT itu mula tersedia untuk diperiksa, yang bantahan terhadap atau representasi berkenaan dengan draf RT itu boleh dibuat kepada PBPT; dan
 - » subseksyen 13(3) memperuntukkan masa yang dinyatakan dalam notis di bawah subseksyen (2) bagi membuat bantahan terhadap atau representasi berkenaan dengan draf RT boleh dilanjutkan



sekali oleh PBPT selama tidak lebih daripada empat minggu atas permohonan mana-mana orang.

Bagaimana Anda Boleh Memberi Cadangan dan Bantahan Awam?

- Memeriksa dan menyemak laporan **Draf Rancangan Struktur (DRS)** atau **Draf Rancangan Tempatan (DRT)** di tempat-tempat berikut:
 - » Pejabat Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran, Majlis Daerah, Majlis Bandaran, Lembaga Bandaran, Majlis Tempatan, Lembaga Luar Bandar;
 - » pejabat Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri; atau
 - » tempat-tempat pameran DRS atau DRT yang ditetapkan oleh PBPT.
- Mengemukakan borang bantahan awam DRS atau DRT secara manual atau digital:
 - » Anda dikehendaki mengisi cadangan dan bantahan di dalam borang manual yang disediakan; atau
 - » mengemukakan borang bantahan secara digital atau on-line dalam laman web Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri; atau
 - » menghantar cadangan atau bantahan anda melalui e-mel kepada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri.

- ❑ **Menghadiri majlis publisiti dan bantahan awam:**
 - » Anda akan dipanggil untuk menyampaikan cadangan dan bantahan anda di mesyuarat publisiti dan bantahan awam.

Mengapa Peranan Awam Penting?

- ❑ Pihak awam adalah pihak yang terlibat **secara langsung** terhadap pembangunan yang dijalankan. Sesuatu pembangunan yang dimajukan akan dihuni oleh pihak awam sebagai penduduk tempatan.
- ❑ Pihak awam berperanan penting dalam semua peringkat perancangan sama ada sebelum, semasa atau selepasnya.
- ❑ Pihak agensi **pelaksana** seperti jabatan awam memerlukan tindak balas atau responsif daripada pihak awam pada peringkat awal agar perancangan yang dijalankan tidak terkeluar daripada matlamat merancang untuk rakyat. Ini adalah selaras dengan konsep **Hubungan MANUSIA Dengan MANUSIA**.
- ❑ Peranan awam dapat membantu pihak pelaksana bagi membuat perancangan dengan lebih berkesan. Ini adalah kerana pihak awam **merupakan penduduk tempatan** yang tinggal di dalam kawasan perancangan. Pihak awam secara asasnya lebih mengetahui apa sebenarnya yang diperlukan di dalam kehidupan tempatan.

Keperluan Publisiti dan Penyertaan Awam dalam Rancangan Pemajuan

- ❑ **Rancangan Fizikal Negara (RFN) dan Rancangan Wilayah (RW)**

- » Bagi RFN dan RW, publisiti boleh dilakukan secara pentadbiran melalui proses rundingan seperti sesi dialog, seminar, bengkel dan simposium; dan
- » terdapat garis panduan yang mencadangkan proses publisiti di Peringkat Awal dan di Peringkat Draf dilaksanakan secara perundingan bersama kumpulan-kumpulan yang berkepentingan nasional.

❑ **Rancangan Struktur (RS)**

- » Pemberitahuan awal secara pentadbiran sebelum Asas Rujukan RS dimantapkan;
- » peringkat Laporan Pemeriksaan seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 9(1); dan
- » peringkat DRS seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 9(2), 9(3), 9(5), 11B(3) dan 11B(4).

❑ **Rancangan Tempatan (RT)**

- » Pemberitahuan awal sebelum memulakan penyediaan DRT seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 12A; dan
- » peringkat DRT seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 13(1) dan 13(2).

❑ **Rancangan Kawasan Khas (RKK)**

- » Pemberitahuan awal sebelum memulakan penyediaan Draf RKK seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 12A; dan
- » peringkat Draf RKK seperti yang termaktub di bawah subseksyen 16B(2) dan 16B(3).